



# GERAKAN DEKAD BAHASA KEBANGSAAN PENYATU BANGSA

GERAKAN Dekad Bahasa Kebangsaan (GDBK) yang disambut pada bulan Oktober setiap tahun bertujuan untuk menyemarakkan semangat cinta akan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu. Pada masa yang sama, GDBK diharapkan dapat memantapkan jati diri dan memperteguh perpaduan bangsa melalui aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan.

BERTITIK tolak daripada GDBK, kerajaan memperkenalkan inisiatif Dekad Bahasa Kebangsaan (DBK) 2020-2030 dengan harapan bahasa Melayu menjadi bahasa pilihan utama di rantau ASEAN dan antarabangsa.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pula diberikan tanggungjawab untuk menerajui DBK bagi merangka pelan komprehensif yang berkesan sekali gus memberikan impak terhadap peningkatan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat dunia. Empat langkah dilaksanakan, iaitu memperkasakan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang mencakupi pelbagai bidang dan sektor di Malaysia, memperkasakan perancangan dan pemupukan bahasa Melayu tinggi bagi membentuk tamadun Malaysia yang berbudaya dan berakhlak mulia, merealisasikan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara dan mengantarabangsakan bahasa Melayu sebagai satu daripada bahasa utama di ASEAN dan menjadikan Malaysia sebagai pusat persuratan Melayu terulung di dunia.

Sambutan GDBK merupakan pelantar terbaik untuk menarik minat masyarakat ke arah pemerksaan bahasa Melayu melalui pelbagai program dan aktiviti. Dua perkara penting yang perlu diberikan perhatian dalam usaha merancang pengisian program ialah pemupukan sikap dan peneguhan bahasa Melayu agar matlamat GDBK tidak tersasar. Semua pihak mestilah mempunyai aspirasi yang sama, iaitu mendaulatkan bahasa Melayu dan meletakkan kedudukannya di tempat yang paling tinggi berbanding dengan bahasa lain sesuai dengan statusnya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Perasaan bangga bertutur dalam bahasa Melayu mestilah sehati dan menjadi jati diri melangkaui masa dan zaman. Kesedaran untuk menyanjung tinggi bahasa Melayu mesti terbit di hati agar roh kecintaan terhadap bahasa Melayu kekal berterusan selagi hayat dikandung badan. Sehubungan dengan itu, masyarakat Malaysia yang

berbilang kaum ini mestilah berganding bahu dengan kerajaan untuk menjayakan GDBK. Masyarakat hendaklah memberikan komitmen terbaik dan sokongan padu terhadap program yang dirancang bagi memastikan matlamat GDBK tercapai sepenuhnya. Ungkapan, "di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung" sewajarnya menebal dalam sanubari dan diserlahkan bukan sahaja dalam tutur kata, tetapi juga tingkah laku. Kesediaan dan keprihatinan masyarakat untuk menjayakan GDBK pastinya akan merancakkan lagi perkembangan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang.

Program yang diatur bersempena GDBK menyasarkan semua lapisan masyarakat kerana setiap ahli mempunyai peranan masing-masing untuk mengangkat dan mempertahankan martabat bahasa Melayu. Namun, pihak penganjur program perlu memastikan bahawa program yang dilaksanakan itu mendapat penglibatan dan penyertaan daripada semua pihak meliputi pelbagai kaum. Hal ini penting supaya objektif dan matlamat GDBK sampai ke pengetahuan masyarakat dan agenda negara dapat dikongsi bersama-sama. Masyarakat pula mestilah mempunyai kesedaran yang tinggi dan peka akan kepentingan GDBK bagi memastikan martabat bahasa Melayu kekal terpelihara.

Oleh itu, mereka perlu memberikan komitmen dan sokongan padu terhadap program yang dijalankan dengan apa-apa cara sekalipun. Hal ini termasuklah menyumbang idea, kritikan, material, dan tenaga bagi memastikan usaha untuk memperkasakan bahasa Melayu berjalan lancar dan mencapai matlamatnya.

Penglibatan generasi muda terhadap program GDBK sangatlah dituntut kerana mereka merupakan aset penting dan barisan pelapis yang akan menerajui negara suatu hari nanti. Kelestarian dan keutuhan bahasa Melayu pada masa hadapan terletak di bahu mereka. Oleh itu, rasa cinta terhadap bahasa Melayu perlu dipupuk dan disemaikan dalam diri individu sejak awal lagi supaya slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" dapat dihayati sepenuhnya dan menjadi pegangan hidup. Pada asasnya, ungkapan ini membawa maksud bahasa sebagai milik mutlak sesuatu bangsa dan menjadi

identiti kebangsaan. Hakikatnya, kekuatan sesuatu bangsa boleh dilihat melalui bahasanya. Jika bahasanya kukuh maka kuatlah bangsanya.

Negara mahu melahirkan generasi masa hadapan yang cekat dan andal menggunakan bahasa Melayu. "Cekat" dalam konteks kebahasaan bermaksud cekap, mahir dan pantas menguasai bahasa Melayu serta dapat mengaplikasikannya dalam pelbagai bidang. "Andal" pula bermaksud dipercayai, iaitu merujuk kewibawaan individu menyampaikan maklumat yang tepat, khususnya dalam bidang kebahasaan dan kesusasteraan sekali gus menjadi rujukan masyarakat dunia. Hal ini bermakna, mereka mestilah cekat dan andal untuk mengumpul, menyaring, menganalisis, mensintesis, menaakul, menilai dan merumus maklumat.

Untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik, masyarakat perlulah mendalami ilmu linguistik supaya bahasa Melayu yang digunakan itu betul dan tepat. Tambahan pula, dunia sedang menuju Revolusi Perindustrian 4.0 yang menuntut masyarakat supaya membangun bersama-sama ilmu dan bertindak dengan pantas. Sehubungan dengan itu, penyertaan dalam program GDBK merupakan pelantar terbaik untuk memperkukuh ilmu pengetahuan mengenai bahasa Melayu selain mengasah bakat dan potensi diri ke arah kecemerlangan.

Sebagai misalnya, aktiviti seperti pidato, sajak, pantun, puisi dan bual bicara dapat meningkatkan kemahiran bertutur, terutamanya dalam aspek sebutan, intonasi dan pemilihan kosa kata. Selain itu, peserta juga dapat meningkatkan penggunaan gaya bahasa seperti peribahasa, ungkapan, metafora dan aspek estetika yang lain sebagai lambang kehalusan budi pekerti. Ungkapan, "dikenal pokok daripada buahnya, dikenal bangsa daripada bahasanya" jelas menunjukkan bahawa bahasa mencerminkan bangsa.

Pengajaran program Eksplorasi Bahasa bersempena GDBK misalnya, dapat membantu peserta untuk mengenal pasti bentuk kesalahan bahasa yang kerap dilakukan oleh masyarakat.

Program ini diadakan dalam bentuk pertandingan, iaitu memantau kesalahan penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam. Program ini secara tidak langsung mendidik masyarakat supaya menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Masyarakat seharusnya menolak penggunaan bahasa rancu, seperti bahasa rojak, slanga dan percampuran kod yang tidak dapat meningkatkan imej bahasa Melayu. Sebaliknya, ilmu yang diperoleh daripada aktiviti kebahasaan perlu digunakan bagi memperteguh kemahiran berbahasa Melayu dalam kehidupan harian. Peribahasa, "diam penggali berkarat" memberikan peringatan kepada masyarakat bahawa ilmu yang tidak diamalkan akan hilang.

Oleh yang demikian, setiap anggota masyarakat hendaklah menunjukkan teladan yang baik dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul. Sehubungan itu, program GDBK dapat dijadikan asas untuk menilai kekuatan dan kelemahan diri dalam penguasaan bahasa Melayu sekali gus memikirkan kembali peranan kita sebagai warganegara Malaysia yang seharusnya menjunjung bahasa Melayu sebagai bahasa negara Malaysia.

GDBK juga memerlukan komitmen dan sokongan daripada kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan untuk menyemarakkan program yang dilaksanakan. Pada peringkat universiti awam dan institut pengajian tinggi misalnya, program GDBK perlulah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan sepenuh hati atas kesedaran bahawa isu bahasa Melayu ialah agenda nasional yang perlu diberikan perhatian yang serius. Ahli pengurusan tertinggi perlu turut serta dalam program GDBK yang dianjurkan dan sentiasa mencari ruang untuk memperkasakan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, penggunaan bahasa Melayu perlu meluas dan digunakan dalam urusan rasmi dan pentadbiran. Sudah sampai masanya, kita menghentikan budaya mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa asing dalam ucapan rasmi. Selain itu, aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan yang dilaksanakan juga perlu diselaraskan dan dipantau dengan

baiknya supaya tidak ada pelajar yang ketinggalan.

Perasaan cinta akan bahasa Melayu perlu dipupuk dan disuburkan secara berterusan dalam usaha melahirkan siswazah yang bukan sahaja cemerlang dalam bidangnya, tetapi juga mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi, termasuklah terampil berbahasa Melayu. Penglibatan pelajar dalam aktiviti GDBK perlulah diberikan pengiktirafan dalam pelbagai bentuk, seperti sijil, cenderahati, merit dan ganjaran supaya menjadi mangkin kepada mereka untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu.

Kursus kemahiran bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa juga perlu ditambah baik dari semasa ke semasa supaya sesuai dengan perubahan zaman. Pihak pengurusan seharusnya mengambil peluang daripada program GDBK dengan melibatkan lebih banyak pelajar antarabangsa supaya mereka dapat mempelajari keindahan bahasa Melayu dan budaya masyarakat Malaysia. Hal ini secara tidak langsung membolehkan mereka bertutur dalam bahasa Melayu seterusnya hasrat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa keenam terluas penggunaannya di dunia tercapai.

Galakan untuk menulis dan menerbitkan lebih banyak artikel, makalah dan buku ilmiah dalam bahasa Melayu juga perlu diberikan sokongan supaya hasrat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu akan tercapai. Misalnya, bahan penulisan berbahasa Melayu yang diarkibkan dalam akses terbuka perlulah diperbanyak lagi supaya dapat dijadikan rujukan oleh masyarakat sejagat. Penulisan dalam bahasa Melayu bukan sahaja perlu dipergiat, tetapi juga mesti mendapat pengiktirafan majikan seperti peluang kenaikan pangkat, honorarium dan sebagainya.

Hal ini secara tidak langsung dapat mengangkat nilai bahasa Melayu dan memberikan galakan kepada penulis untuk menghasilkan buku ilmiah yang berkualiti dan menjadi rujukan dunia dalam pelbagai bidang. Jika pengiktirafan ini dapat dilakukan maka usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa akan menjadi

kenyataan. Misalnya, pertandingan penulisan esei dalam bahasa Melayu sempena GDBK yang dianjurkan oleh pelbagai pihak seharusnya disambut baik bukan sahaja untuk memperlihatkan pertautan idea, tetapi juga mengambil kira aspek keindahan bahasa dalam penulisan yang dihasilkan.

Pihak swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) juga memainkan peranan penting untuk menjayakan program GDBK. Selain kerajaan dan DBP, komuniti lain dan NGO juga perlu mengambil bahagian dalam GDBK dan menjalinkan kerjasama erat untuk menggembelng tenaga memperkasakan bahasa Melayu. Misalnya, usaha Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) untuk memajukan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan masyarakat Malaysia melalui galakan penerbitan karya dapat menyokong matlamat GDBK, iaitu menjadikan Malaysia sebagai pusat persuratan Melayu terulung di dunia.

Biarpun senario semasa negara tidak menentu akibat wabak COVID-19, namun GDBK perlu diteruskan seperti tahun sebelumnya untuk memastikan usaha memperkasakan bahasa Melayu dapat dilakukan secara berterusan. Sambutan GDBK 2020 dengan tema "Bahasa Jiwa Bangsa" perlu dihayati oleh semua pihak dan bukannya sekadar di bibir. DBP tentunya akan berhadapan dengan cabaran baharu apabila kebanyakan program dan aktiviti GDBK terpaksa dilakukan secara dalam talian. Begitu juga masyarakat yang perlu menyesuaikan diri dengan kebiasaan baharu ini dan pada masa yang sama bergelut dengan cabaran teknologi digital. Ungkapan, "alah bisa tegal biasa" seharusnya dijadikan terapi terbaik untuk melaksanakan program GDBK dengan sebaik mungkin biarpun cabarannya berbeza daripada tahun sebelumnya.

Masyarakat Malaysia seharusnya mengambil peluang daripada senario yang berlaku untuk menajamkan dan mengasah minda dengan melakukan aktiviti yang berfaedah. Pelbagai aktiviti dalam talian, khususnya kebahasaan dan kesusasteraan boleh disertai bukan sahaja untuk mengisi masa lapang, tetapi sebagai tanda sokongan terhadap

GDBK. DBP juga menggerakkan kempen membaca buku sebagai salah satu daripada aktiviti GDBK. Selain DBP, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) turut mengambil inisiatif untuk melancarkan kempen "Sila Duduk di Rumah dan Baca Buku". Begitu juga Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) yang telah mempromosikan kempen membaca "Lima Buku Cerita Pendek" semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Usaha PNM dan ITBM ini perlu dipuji kerana memberikan idea kepada rakyat untuk mengisi masa yang ada dengan membaca buku. Begitu juga usaha yang diambil oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang memperkenalkan pertandingan seni secara dalam talian seperti pertandingan Pantun "Duduk di Rumah" dan Deklamasi Puisi.

Masyarakat seharusnya mengambil peluang ini untuk mengasah bakat dengan menghasilkan karya terbaik. Pantun dan puisi merupakan karya kreatif yang tidak dicipta sewenang-wenangnya, tetapi memerlukan ketajaman minda, kritis dan kreativiti penciptanya. Inilah sebahagian daripada khazanah warisan bangsa yang tinggi nilainya dan menjadi kebanggaan negara.

Kejayaan GDBK memerlukan komitmen dan sokongan daripada pelbagai pihak. Ungkapan, "Bersatu kita teguh bercerai kita roboh" memberikan peringatan bahawa masyarakat Malaysia mesti bersatu hati seia sekata untuk memperkasakan bahasa Melayu ke persada dunia. Sebagai warganegara Malaysia, kita mesti mencintai bahasa Melayu sepenuh jiwa dan raga. Kejujuran dan keikhlasan kita menjayakan program GDBK menjadi simbol penyatuan rakyat untuk mendaulatkan bahasa negara sendiri. Marilah sama-sama kita menguasai dan menggunakannya dengan betul sebagai tanda kecintaan kita terhadap bahasa Melayu. DBP pula perlu meneruskan usaha murni ini dengan menambah baik program GDBK setiap tahun agar empat matlamat DBK yang digariskan tercapai. Sesungguhnya, bahasa Melayu merupakan bahasa negara kita yang tiada tolok bandingannya. "Sematkan dalam jiwa, 'Saya Cinta Bahasa Melayu'." **PB**